



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS FAKTOR KEBERKESANAN  
PEMBELAJARAN DALAM  
PENGAJIAN EKONOMI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**JULIANA BINTI JAMALUDIN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2024**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## ANALISIS FAKTOR KEBERKESANAN PEMBELAJARAN DALAM PENGAJIAN EKONOMI

JULIANA BINTI JAMALUDIN



05-4506832

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)  
DENGAN KEPUJIAN

ptbupsi

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, JULIANA BINTI JAMALUDIN (D20201093843), FAKULTI PENGURUSAN & EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis Projek Tahun Akhir yang \_\_\_\_\_ bertajuk ANALISIS FAKTOR KEBERKESANAN PEMBELAJARAN DALAM PENGAJIAN EKONOMI adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



---

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia**

Saya, \_\_\_\_\_ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk

\_\_\_\_\_ (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah \_\_\_\_\_ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

---

Tarikh

---

Tandatangan Penyelia





## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur saya panjatkan kepada Ilahi kerana limpah kurnia-nya, saya dapat menyiapkan projek tahun akhir yang berjudul “Analisis Faktor Keberkesanan Pembelajaran Dalam Pengajian Ekonomi” ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr Nurhanani Binti Romli selaku pensyarah penyelia atas segala pandangan, bimbingan, teguran dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh saya menyempurnakan tugas ini. Semoga beliau terus cemerlang, mendapat ganjaran pahala dan kenikmatan hidup di dunia dan di akhirat.



Tidak lupa juga kepada ibu (Nordalia Binti Acce) dan ayah saya (Jamaludin Bin Wahe) serta keluarga besar saya kerana telah banyak memberi nasihat dan sokongan moral serta sokongan kewangan kepada saya sepanjang menyiapkan projek tahun akhir ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta nasihat kepada saya sepanjang penghasilan kajian ini. Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi. Objektif kajian ini terbahagi kepada tiga iaitu mengenal pasti tahap dan keberkesanan faktor-faktor keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi, menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi dan menentukan hubungan di antara faktor-faktor keberkesanan pembelajaran dengan keberkesanan pembelajaran. Data kajian ini dikumpul secara kuantitatif iaitu melalui kaedah soal selidik. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara persampelan bertujuan melibatkan 302 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan lima yang mengambil mata pelajaran yang mempunyai elemen Ekonomi di SMK Puchong Permai. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapati bahawa faktor keluarga mempunyai tahap yang paling tinggi dengan min = 4.06, diikuti dengan faktor guru (min = 4.03), faktor pelajar (min = 3.74) dan faktor sekolah (min = 2.66). Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa hanya faktor sekolah dan keluarga yang mempunyai hubungan yang signifikan ke atas keberkesanan pembelajaran. Analisis Pearson pula menunjukkan terdapat korelasi yang positif di antara faktor pelajar, sekolah dan guru terhadap keberkesanan pembelajaran. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa faktor pelajar, faktor guru, faktor sekolah dan faktor keluarga menyebabkan perubahan dalam keberkesanan pembelajaran. Hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji lain yang ingin membuat kajian lanjutan berkaitan dengan faktor-faktor keberkesanan pembelajaran pada masa akan datang.

**Kata kunci:** keberkesanan, faktor, pelajar, guru, sekolah, keluarga, Ekonomi





## ANALYSIS OF LEARNING EFFECTIVENESS FACTORS IN ECONOMIC STUDIES

### ABSTRACT

This study aims to analyze the factors that influence the effectiveness of learning in the study of Economics. The objective of this study is divided into three, which is to identify the level and effectiveness of learning effectiveness factors in the study of Economics, analyze the factors that affect the effectiveness of learning in the study of Economics, and determine the relationship between the factors of learning effectiveness and the effectiveness of learning. The data of this study was collected quantitatively through the questionnaire method. The selection of research subjects was carried out by sampling with the aim of involving 302 students consisting of fourth and fifth form students who took subjects that have an element of Economics at SMK Puchong Permai. Data were analyzed using descriptive and inferential analysis. The results of the study found that the family factor has the highest level with a mean = 4.06, followed by the teacher factor (mean = 4.03), the student factor (mean = 3.74) and the school factor (mean = 2.66). The findings of the study also show that only school and family factors have a significant relationship with the effectiveness of learning. Pearson's analysis shows that there is a positive correlation between student, school and teacher factors on the effectiveness of learning. The conclusion from this study shows that student factors, teacher factors, school factors and family factors cause changes in the effectiveness of learning. The results of this study can be used as a reference for other researchers who want to do further research related to the factors of learning effectiveness in the future.

**Keywords:** effectiveness, factors, students, teachers, schools, families, Economy





## KANDUNGAN

### Muka surat

|   |      |
|---|------|
| <b>PERAKUAN</b>                                   | i    |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                | ii   |
| <b>ABSTRAK</b>                                    | iii  |
| <b>ABSTRACT</b>                                   | iv   |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                             | viii |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                              | x    |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                          | xi   |
| <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>                          | 1    |
| 1.1 Pengenalan                                    | 1    |
| 1.2 Latar Belakang Kajian                         | 2    |
| 1.3 Permasalahan Kajian                           | 7    |
| 1.4 Tujuan Kajian                                 | 10   |
| 1.5 Objektif Kajian                               | 10   |
| 1.6 Persoalan Kajian                              | 11   |
| 1.8 Kerangka Konseptual Kajian                    | 11   |
| 1.9 Definisi Operasional                          | 15   |
| 1.9.1 Keberkesanan                                | 16   |
| 1.9.2 Faktor                                      | 16   |
| 1.9.3 Pembelajaran                                | 17   |
| 1.9.4 Pengajian Ekonomi                           | 18   |
| 1.10 Batasan Kajian                               | 19   |
| 1.11 Kepentingan Kajian                           | 20   |
| 1.11.1 Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) | 20   |
| 1.11.2 Pihak sekolah                              | 20   |
| 1.11.3 Guru                                       | 21   |
| 1.11.4 Para pelajar                               | 21   |
| 1.11.5 Pengkaji lain                              | 22   |
| 1.12 Ringkasan Bab                                | 22   |
| <b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b>                   | 23   |





|   |     |
|---|-----|
| 2.1 Pengenalan                            | 23  |
| 2.2 Model Pembelajaran                    | 24  |
| 2.2.1 Teori Kognitif                      | 24  |
| 2.2.2 Teori Konstruktivisme               | 28  |
| 2.2.3 Teori Behaviorisme                  | 30  |
| 2.2.4 Teori Produktiviti Pendidikan       | 32  |
| 2.3 Kajian Lepas                          | 34  |
| 2.3.1 Faktor pelajar                      | 34  |
| 2.3.2 Faktor guru                         | 40  |
| 2.3.3 Faktor sekolah                      | 47  |
| 2.3.4 Faktor keluarga                     | 56  |
| 2.4 Ringkasan Bab                         | 86  |
| <b>BAB 3 METODOLOGI</b>                   | 87  |
| 3.1 Pengenalan                            | 87  |
| 3.2 Pendekatan Kajian                     | 88  |
| 3.3 Populasi Dan Sampel                   | 89  |
| 3.3.1 Populasi                            | 89  |
| 3.3.2 Sampel                              | 89  |
| 3.4 Instrumen Kajian                      | 90  |
| 3.4.1 Borang Soal Selidik                 | 91  |
| 3.5 Kajian Rintis                         | 94  |
| 3.5.1 Kebolehpercayaan                    | 95  |
| 3.6 Prosedur Pengumpulan Data             | 97  |
| 3.7 Kaedah Menganalisis Data              | 98  |
| 3.7.1 Analisis Statistik Deskriptif       | 99  |
| 3.7.2 Analisis Statistik Inferensi        | 99  |
| 3.8 Ringkasan Bab                         | 100 |
| <b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>               | 102 |
| 4.1 Pengenalan                            | 102 |
| 4.2 Ujian Normaliti                       | 103 |
| 4.3 Analisis Demografi Responden          | 104 |
| 4.3.1 Jantina responden                   | 105 |
| 4.3.2 Bangsa responden                    | 106 |
| 4.3.3 Tingkatan responden                 | 107 |
| 4.3.4 Taraf pendidikan ibu bapa responden | 108 |
| 4.4 Analisis Persoalan Kajian             | 110 |





|   |     |
|---|-----|
| 4.4.1 Faktor pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran dalam pengajian ekonomi           | 111 |
| 4.4.3 Faktor sekolah terhadap keberkesanan pembelajaran dalam pengajian ekonomi           | 116 |
| 4.4.4 Faktor keluarga terhadap keberkesanan pembelajaran dalam pengajian ekonomi          | 119 |
| 4.4.5 Keberkesanan Pembelajaran dalam pengajian Ekonomi                                   | 121 |
| 4.4 Analisis Regresi Linear Berbilang   | 124 |
| 4.5 Analisis Korelasi <i>Pearson</i>  | 129 |
| 4.6 Analisis ANOVA  | 133 |
| 4.7 Ringkasan Bab   | 135 |
| <b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>  | 136 |
| 5.1 Pengenalan  | 136 |
| 5.2 Perbincangan  | 137 |
| 5.2.1 Faktor pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran dalam pengajian ekonomi           | 137 |
| 5.2.2 Faktor guru terhadap keberkesanan pembelajaran dalam pengajian ekonomi              | 139 |
| 5.2.3 Faktor sekolah terhadap keberkesanan pembelajaran dalam pengajian ekonomi           | 142 |
| 5.2.4 Faktor keluarga terhadap keberkesanan pembelajaran dalam pengajian ekonomi          | 145 |
| 5.2.5 Pengaruh faktor keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi.                  | 148 |
| 5.2.6 Hubungan faktor-faktor keberkesanan pembelajaran terhadap keberkesanan pembelajaran | 150 |
| 5.3 Implikasi Kajian  | 152 |
| 5.3.1 Implikasi Kepada Pelajar  | 153 |
| 5.3.2 Implikasi Kepada Guru   | 153 |
| 5.3.3 Implikasi Kepada Pentadbir Sekolah  | 154 |
| 5.3.4 Implikasi Kepada Ibu Bapa   | 154 |
| 5.3.5 Implikasi Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia                                    | 155 |
| 5.4 Cadangan Kajian   | 156 |
| 5.5 Kesimpulan  | 157 |
| <b>RUJUKAN</b>  | 158 |
| <b>LAMPIRAN</b>   | 171 |





## SENARAI JADUAL

| No.    |   | Muka  |
|--------|---|-------|
| Jadual |   | Surat |
| 2.1    | Rumusan kajian lepas  | 61    |
| 3.1    | Senarai bahagian dalam borang soal selidik                                | 89    |
| 3.2    | Kebolehpercayaan nilai <i>Cronbach's alpha</i>                            | 93    |
| 4.1    | Ujian Normaliti <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>                       | 101   |
| 4.2    | Taburan kekerapan jantina responden                                       | 102   |
| 4.3    | Taburan kekerapan bangsa responden  | 103   |
| 4.4    | Taburan kekerapan tingkatan responden                                     | 104   |
| 4.5    | Taburan kekerapan taraf pendidikan ibu bapa responden                     | 105   |
| 4.6    | Interpretasi Skor Min Skala Likert Lima                                   | 107   |
| 4.7    | Faktor pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran dalam pengajian ekonomi | 108   |
| 4.8    | Faktor guru terhadap keberkesanan pembelajaran dalam pengajian ekonomi    | 111   |
| 4.9    | Faktor sekolah terhadap keberkesanan pembelajaran dalam pengajian ekonomi | 113   |





|      |  |     |
|------|--|-----|
| 4.10 | Faktor keluarga terhadap keberkesanan pembelajaran dalam pengajian ekonomi | 116 |
| 4.11 | Keberkesanan Pembelajaran dalam pengajian Ekonomi                          | 118 |
| 4.12 | Analisis Regresi Linear Berbilang ( <i>Model Summary</i> )                 | 121 |
| 4.13 | Analisis Regresi Linear Berbilang ( <i>Coefficients</i> )                  | 122 |
| 4.14 | Kekuatan Nilai Pekali Korelasi <i>Pearson</i>                              | 126 |
| 4.15 | Analisis korelasi faktor keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi | 127 |
| 4.16 | Analisis ANOVA   | 128 |





## SENARAI RAJAH

| No. Rajah   | Muka Surat |
|---|------------|
| 1.1 Teori Produktiviti Pendidikan Walberg                 | 13         |
| 1.2 Kerangka Konseptual Kajian                            | 15         |
| 3.1 Proses pengumpulan data                               | 95         |
| 4.1 Taburan kekerapan jantina responden                   | 102        |
| 4.2 Taburan kekerapan bangsa responden                    | 103        |
| 4.3 Taburan kekerapan tingkatan responden                 | 104        |
| 4.4 Taburan kekerapan taraf pendidikan ibu bapa responden | 106        |





## SENARAI SINGKATAN

|       |   |
|-------|---|
| KSSM  | Kurikulum Standard Sekolah Menengah         |
| PPPM  | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia       |
| PdP   | Pengajaran dan pembelajaran                 |
| PdPc  | Pembelajaran dan pemudahcaraan              |
| TAI   | <i>Team-Accelerated Instruction</i>         |
| TGT   | <i>Teams Games Tournament</i>               |
| STAD  | <i>Student Teams Achievement Division</i>   |
| TPP   | Teori Produktiviti Pendidikan               |
| KPM   | Kementerian Pelajaran Malaysia              |
| ZPD   | Zon Perkembangan Proksimal                  |
| KBAT  | Kemahiran berfikir aras tinggi              |
| UTHM  | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia         |
| SPSS  | Statistical Packages For The Social Science |
| ANOVA | Analysis of Variances                       |
| SP    | Sisihan piawai                              |





## BAB 1

### PENDAHULUAN



#### 1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kerangka teori, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional serta struktur kajian. Secara keseluruhannya, bab satu ini akan memberikan gambaran awal mengenai kajian yang akan dijalankan.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Nurul Hana et al., (2012), kejayaan dan kekayaan sesebuah negara ditentukan oleh kekuatan modal insan yang berkaliber dalam inisiatif pembangunan komuniti merentasi pelbagai aspek, bukan jumlah sumber yang dimiliki. Dalam konteks ini, ilmu ekonomi adalah amat penting bagi membina modal insan yang dapat berfikiran rasional, kreatif dan kritis dalam membuat sesuatu keputusan yang berkaitan dengan ekonomi. Perkara ini adalah selaras dengan Wawasan 2020 yang memperkenalkan pelbagai strategi bagi membangunkan asas ekonomi berlandaskan pengetahuan dengan melaksanakan peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi) berbanding yang terdahulu iaitu ekonomi berasaskan pengetahuan (P-ekonomi). Istilah K-ekonomi mempunyai definisi yang pelbagai dan telah digunakan dalam perspektif yang berbeza. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, ekonomi berasaskan pengetahuan ataupun K-ekonomi adalah ekonomi di mana teknologi dan pengetahuan digunakan dengan lebih meluas dan intensif merentasi semua sektor ekonomi termasuklah dalam pengurusan awam dan korporat. Dalam erti kata lain, K-ekonomi adalah satu konsep yang membantu meningkatkan operasi ekonomi termasuk pengeluaran produk, pemasaran serta penyelidikan dengan menggunakan pengetahuan dan maklumat baharu dan sedia ada.

Sehubungan dengan itu, ilmu ekonomi adalah penting bagi setiap individu tanpa mengira apa sahaja bidang yang diceburinya di dalam sektor-sektor di negara. Secara asasnya, ilmu ekonomi adalah satu bidang mengenai sains sosial yang meneliti cara manusia membahagikan sumber ekonomi yang ada bagi memenuhi permintaan manusia yang tidak terbatas (Phang Hang Kuok., et al, 2016). Segelintir masyarakat berpendapat





bahawa ekonomi adalah berkaitan dengan konsep dan teori-teori yang tertentu sahaja. Namun begitu, skop ekonomi adalah lebih meluas daripada tanggapan tersebut. Tanpa kita sedari, ilmu ekonomi berkait rapat dengan kehidupan sehari-hari kita. Seperti contoh, ibu bapa yang membuka akaun simpanan dalam bank bagi tujuan pelaburan untuk anak pada masa hadapan adalah salah satu tindakan yang dilakukan berdasarkan konteks ekonomi. Maka jelaslah bahawa ilmu ekonomi merupakan cabang pengetahuan yang berguna dalam kehidupan sehari-hari. Ilmu ekonomi bukan sahaja membantu untuk memahami perkembangan ekonomi yang berlaku dari semasa ke semasa tetapi juga membantu kita membuat keputusan dengan rasional. Justeru, ilmu ekonomi sangat penting untuk dipelajari tak kira unit ekonomi sama ada isi rumah, firma ataupun kerajaan.

Kepentingan tersebut menyebabkan elemen ekonomi sangat penting untuk diterapkan dalam pendidikan sejak daripada awal lagi. Perkara ini boleh dilihat dengan adanya kewujudan pelbagai mata pelajaran yang menerapkan elemen ekonomi dalam isi kandungan pengajaran dan pembelajarannya tak kira sama ada mata pelajaran teras mahupun elektif seperti mata pelajaran Ekonomi, Perniagaan dan Perakaunan. Mata pelajaran-mata pelajaran tersebut mempunyai asas dalam ilmu ekonomi yang dapat mendedahkan tentang kepentingan ekonomi sedari awal lagi kepada pelajar dalam kehidupan sehari-hari. Melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Ekonomi yang diperjelaskan berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, mata pelajaran ekonomi berusaha untuk memupuk nilai moral dalam diri pelajar semasa penyampaian pengetahuan asas dan kemahiran yang ditetapkan dalam mata pelajaran tersebut agar pelajar dapat mengenali dan memahami isu-isu ekonomi, mengetahui peranan yang dimainkan oleh aktiviti ekonomi dalam masyarakat dan mampu bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah (Bahagian





Pembangunan Kurikulum, 2017). Hal ini dikatakan sedemikian kerana, mata pelajaran Ekonomi merupakan sesuatu perkara yang berkait rapat dengan pembangunan ekonomi pada masa kini memandangkan ilmu dan pengetahuannya boleh digunakan untuk pelbagai situasi. Tambahan pula, ilmu ekonomi dapat diadaptasikan terhadap bidang lain kerana ilmu ekonomi merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan. Sebagai contoh, pada era globalisasi ini, individu yang mempunyai pengetahuan dalam ekonomi dapat membuat keputusan yang rasional ketika memulakan perniagaan kerana mereka mengetahui masalah ekonomi yang berlaku.

Memandangkan mata pelajaran-mata pelajaran merupakan mata pelajaran yang dianggap kritis, guru perlu memastikan tanggungjawab mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat berlangsung dengan lebih efektif.

Keberkesanan PdP dilihat sebagai proses pengajaran yang berkesan dan merupakan perkara penting untuk membangunkan pengetahuan pelajar dengan lebih baik. Proses penyampaian pengetahuan dan mencipta pengalaman yang secara langsung dapat mengubah tingkah laku pelajar dianggap sebagai pengajaran yang berkesan (Noridahayu, 2017). Oleh itu, KSSM telah mencadangkan agar guru menggunakan pelbagai strategi semasa melaksanakan proses PdP bagi mencipta situasi pembelajaran yang lebih menarik dan memberangsangkan sesuai dengan pelajar yang memiliki perbezaan daripada segi latar belakang. Sebelum ini, istilah PdP digunakan namun kini telah ditukar kepada pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) (Salima Firdaus, 2020). Melalui PdPc, pembelajaran adalah berpusatkan pelajar sama ada individu atau berkumpulan, bukan guru semata-mata. Hal ini bermaksud, pelajar merupakan satu elemen yang penting bagi memastikan proses PdPc berlangsung secara berterusan.





Perkara ini dikatakan sedemikian kerana, melalui PdPc, pelajar yang berperanan dalam mengambil bahagian secara aktif dalam pembelajaran manakala guru hanya menjadi pembimbing atau fasilitator untuk memastikan objektif pembelajaran dapat dicapai. Justeru itu, bagi menerapkan sikap seperti yang digariskan dalam kurikulum, guru mesti menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan strategi yang dapat meningkatkan kebolehan dan menyalurkan maklumat dengan tepat. Semasa merancang pendekatan yang hendak digunakan dalam PdP, pertimbangan daripada guru seperti dalam kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar, kaedah penilaian, kesesuaian sumber dan suasana persekitaran perlu dititikberatkan (Ajmain, M. T et al, 2019). Guru secara langsung boleh meningkatkan pengetahuan pelajar dan menarik perhatian mereka dengan menggunakan strategi PdP yang berkesan. Abad ke-21 menyaksikan pelbagai kaedah yang boleh diterapkan oleh guru dalam PdPc yang dijalankan dan bersesuaian dengan topik pembelajaran yang diajar. Kaedah yang popular digunakan pada masa kini adalah kaedah pembelajaran koperatif dan kaedah pembelajaran abad ke-21 berbanding dengan kaedah tradisional iaitu ‘chalk and talk’. Kaedah pembelajaran koperatif ini boleh diterapkan ke atas kelompok yang mempunyai saiz yang lebih kecil kerana pelajar boleh menggunakan kaedah koperatif untuk menyelesaikan tugas bagi memenuhi objektif pembelajaran dan pengajaran dengan guru bertindak sebagai fasilitator (Azman Bin AB. Rahim, 2018). Antara jenis-jenis kaedah pembelajaran koperatif adalah penyiasatan berkelompok (*Group Investigation*), *Jigsaw*, *Team-Accelerated Instruction (TAI)*, *Teams Games Tournament (TGT)* dan *Student Teams Achievement Division (STAD)*.

Pendekatan pembelajaran koperatif ini dapat berkesan dengan baik bagi memancing minat pelajar terhadap perkara yang mereka akan pelajari dan memupuk semangat motivasi yang kuat dalam diri mereka bagi mempertingkatkan prestasi





akademik mereka. Dalam hal ini, tanggungjawab guru adalah besar dalam memastikan kaedah pembelajaran koperatif yang diaplikasikan terhadap pelajar adalah berkesan dan sesuai dengan semua pelajar yang terlibat dengan mengambil kira tahap kecerdasan mereka. Guru perlu peka dengan keperluan pelajar agar mereka dapat merancang strategi yang efektif dan efisien bagi memenuhi keperluan tersebut. Dalam kata lain, guru perlu '*try and error*' kaedah pembelajaran yang pelbagai bagi menentukan kaedah yang bersesuaian digunakan terhadap pelajar. Pelajar akan mengambil bahagian dengan giat dalam mana-mana aktiviti yang dilangsungkan semasa proses PdP setelah kaedah tersebut dilaksanakan. Perkara tersebut dapat menonjolkan minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut dan meningkatkan motivasi mereka. Apabila pelajar termotivasi, sudah tentu prestasi pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran akan meningkat.

Namun begitu, meskipun pelbagai kaedah pembelajaran yang telah diaplikasikan dalam mata pelajaran yang mempunyai elemen ekonomi tetapi sekiranya dibandingkan dengan mata pelajaran lain, pencapaian terhadap mata pelajaran ini adalah kurang memberangsangkan. Perkara ini membuktikan yang terdapat faktor lain yang mampu menyumbang kepada keberkesanan pembelajaran dalam pengajaran Ekonomi. Justeru, kajian ini akan dilaksanakan bagi menganalisis faktor-faktor keberkesanan pembelajaran dalam pengajaran Ekonomi.





### 1.3 Permasalahan Kajian

Prestasi pencapaian pelajar merupakan salah satu cara untuk mengukur keberkesanan PdP semasa berada di bilik darjah. Tambahan pula, keterlibatan pelajar dalam aktiviti yang dilaksanakan sepanjang proses PdPc juga turut mampu memberikan penilaian kepada guru sekiranya proses pembelajaran adalah berkesan dan dapat menarik minat pelajar. Mohamad Rofian et al. (2020) menyatakan bahawa faktor yang mengakibatkan peningkatan prestasi pencapaian pelajar terdiri daripada dua faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman merangkumi sikap dan penerimaan pelajar itu sendiri dalam usaha mempelajari sesuatu manakala faktor luaran merupakan elemen luar terlibat secara spontan dalam proses PdP. Ini menjelaskan keberkesanan pembelajaran boleh disebabkan oleh pelbagai aspek dengan mengambil kira pengaruh dalaman dan luaran serta tidak terhad kepada satu atau dua elemen sahaja. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, keberkesanan pembelajaran bukan bergantung kepada pelajar itu sahaja tetapi turut melibatkan beberapa perkara termasuklah guru-guru, persekitaran, kaedah pembelajaran dan sistem pendidikan itu sendiri.

Menurut Shahrin Nizam et al (2008), terdapat beberapa faktor yang menyumbang terhadap kepincangan pelajar dalam mata pelajaran iaitu minat, sikap, pencapaian lain, guru, keluarga, persekitaran sekolah, kokurikulum dan rakan sebaya tanpa menitikberatkan faktor lain yang mungkin memberi kesan. Faktor-faktor tersebut boleh wujud disebabkan kaedah pembelajaran yang kurang berkesan dan tidak menyeronokkan. Strategi pengajaran yang tidak berkesan akan serta merta membuatkan pelajar tidak berminat dan menghalang mereka daripada mengambil bahagian dalam aktiviti PdP. Ini menunjukkan bahawa kurangnya kecenderungan pelajar untuk





meminati subjek tersebut. Oleh itu, guru perlu merancang strategi bagi menimbulkan keinginan belajar pelajar dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran yang diterapkan di dalam bilik darjah. Apabila faktor-faktor kelemahan pelajar dapat diatasi, tidak mustahil keberkesanan pembelajaran dalam pengajaran akan meningkat.

Selain itu, terdapat beberapa kajian yang berpendapat bahawa kelemahan pencapaian pelajar adalah berpunca daripada faktor pelajar itu sendiri. Dalam kajian Dhakal (2020), faktor berkaitan pelajar yang mempengaruhi prestasi pelajar dipengaruhi oleh beberapa perkara iaitu motivasi pelajar, kurang meluangkan masa untuk melakukan aktiviti, ketidakhadiran ke sekolah, hubungan dengan guru dan rakan sekolah, usaha yang tidak mencukupi, kurang keyakinan diri, pengaruh rakan sebaya dan tidak dapat membuat perancangan dengan baik. Pendapat ini dapat dikaitkan dengan kajian yang dilaksanakan oleh Halimatus (2020) yang menjelaskan bahawa prestasi akademik pelajar dipengaruhi oleh sikap dan sahsiah pelajar. Pelajar perlu menunjukkan sikap yang bersederhana ketika sedang menuntut ilmu terutamanya di bilik darjah dengan memberikan tumpuan dan mengambil bahagian secara aktif semasa guru mengajar agar mereka dapat menguasai pembelajaran dengan baik. Ini menunjukkan bagaimana sikap pelajar semasa proses PdP mampu memberi kesan kepada prestasi akademik mereka yang mengakibatkan keberkesanan pengajaran berlaku.

Faktor lain yang mampu memastikan keberkesanan pembelajaran di bilik darjah adalah faktor guru. Melalui faktor guru ini, terdapat beberapa aspek yang terlibat seperti kaedah pengajaran dan pembelajaran. Mohd Erfy Ismail et al. (2019) dalam kajiannya menjelaskan yang gaya dan amalan pengajaran pengajar seperti mudah didekati, bersedia dan benar-benar mengambil berat tentang pembelajaran pelajar mereka boleh





membawa kepada minat dan usaha pelajar yang lebih besar dan akhirnya kepada kejayaan pelajar. Keadaan tersebut didorong oleh tanggungjawab yang dijalankan oleh guru bagi memupuk minat belajar dalam kalangan pelajar dengan membimbang mereka menggunakan kaedah pembelajaran yang efektif bagi meningkatkan kemahiran penguasaan mereka dalam mata pelajaran. Sekiranya guru tidak mempunyai kemahiran ataupun tahap pengetahuan yang tinggi, tidak mustahil proses PdP tidak berlangsung dengan berkesan. Pernyataan ini disokong oleh Munyaradzi Nyoni, Thabani Nyoni & Wellington G. Bonga (2017) yang mendapati bahawa guru yang berkelayakan merupakan faktor dalaman yang dominan dalam menyumbang kepada perubahan prestasi akademik pelajar.

Tambahan pula, terdapat juga faktor lain yang boleh menyebabkan ketidakberkesanan pembelajaran dalam pengajaran. Faktor tersebut adalah persekitaran, ibu bapa mahupun rakan sebaya. Meskipun faktor ini dilihat remeh tetapi perkara tersebut mampu memberi impak yang besar dalam usaha guru untuk melaksanakan proses PdP secara menyeluruh dan berkesan. Jadi, kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis faktor keberkesanan pembelajaran iaitu dalam konteks pencapaian pelajar dalam pengajian Ekonomi.





## 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong Permai. Faktor-faktor keberkesanan pembelajaran dikaji dari segi kemampuan pembelajaran dalam mempengaruhi prestasi pelajar, minat dan motivasi pelajar dalam pengajian Ekonomi.

## 1.5 Objektif Kajian



Objektif umum kajian ini adalah untuk menganalisis keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong Permai. Objektif khusus yang telah ditetapkan adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti tahap dan keberkesanan faktor-faktor keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi.
- ii. Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi.
- iii. Menentukan hubungan di antara faktor-faktor keberkesanan pembelajaran dengan keberkesanan pembelajaran.





## 1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi dalam kalangan pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong Permai. Oleh itu, persoalan bagi kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Apakah tahap dan keberkesanan faktor-faktor keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi?
- iii. Adakah hubungan di antara faktor-faktor keberkesanan pembelajaran dengan keberkesanan pembelajaran?



## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Pelaksanaan kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi dalam golongan pelajar tingkatan empat. Pemboleh ubah bebas yang ditetapkan dalam kajian ini adalah keberkesanan pembelajaran manakala pemboleh ubah bersandar meliputi faktor pelajar, guru, sekolah dan keluarga. Berdasarkan daripada pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut, pengkaji telah membina






satu kerangka konseptual berdasarkan beberapa teori yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh falsafah. Kerangka yang dibentuk adalah berdasarkan Teori Produktiviti Pendidikan (TPP), teori kognitif, teori konstruktivisme dan teori behaviorisme.

TPP yang merupakan teori yang diasaskan oleh Walberg telah menjadi asas untuk kajian berkaitan analisis aspek-aspek yang memberikan impak kepada pencapaian pelajar (Mazana, M. Y., et al, 2020). Melalui teori ini, faktor-faktor tersebut dibahagikan kepada beberapa elemen utama iaitu keupayaan (pencapaian terdahulu), perkembangan (umur), motivasi, kuantiti pengajaran, kualiti pengajaran, persekitaran rumah, persekitaran bilik darjah, persekitaran rakan sebaya dan media massa. Faktor-faktor ini kemudiannya dikategorikan di bawah 3 kategori utama di mana keupayaan (pencapaian terdahulu), perkembangan (umur) dan motivasi adalah faktor bakat, faktor pengajaran pula merangkumi kuantiti pengajaran dan kualiti pengajaran manakala persekitaran rumah, persekitaran bilik darjah, persekitaran rakan sebaya dan media massa adalah faktor persekitaran (Walberg, 2005). Berdasarkan daripada faktor-faktor tersebut, hasil yang diperolehi akan membantu menyokong pertumbuhan tingkah laku, afektif atau kognitif yang seterusnya akan mempengaruhi pencapaian pelajar. Pemboleh ubah bersandar yang digunakan bagi kajian ini adalah berdasarkan faktor dalam TPP tetapi diubahsuai untuk disesuaikan dalam digunakan oleh pengkaji di mana pengkaji menggunakan faktor pelajar, faktor guru, faktor sekolah dan faktor keluarga sebagai pemboleh ubah bersandar.





Rajah 1.1: Teori Produktiviti Pendidikan Walberg

Teori-teori lain yang digunakan untuk mengukur kaitan minat dan motivasi terhadap pencapaian dalam kalangan pelajar adalah teori konstruktivisme. Kandasamy et al., (2021) menjelaskan bahawa berdasarkan teori konstruktivisme, pelajar boleh menggunakan apa yang telah mereka ketahui untuk mencipta makna mereka sendiri bagi sesuatu maklumat. Dengan kata lain, konstruktivisme adalah kaedah di mana mengaktifkan diri bagi mencipta pemahaman atau konsep mereka sendiri berdasarkan pembelajaran dan pengalaman terdahulu. Melalui proses tersebut, pelajar akan membina pengetahuan baru setelah mereka menyesuaikan dan menggabungkan pengetahuan sedia ada dan baharu. Teori konstruktivisme ini memberikan peluang kepada pelajar menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berdasarkan pemikiran yang kritis dan kreatif.

Teori kognitif pula adalah teori pembelajaran yang lebih mementingkan proses belajar daripada hasil pembelajaran tersebut. Menurut tokoh-tokoh teori pembelajaran kognitif seperti Kohler, Bruner, Gagne dan Ausubel, pembelajaran adalah keadaan yang



berlaku secara dalaman iaitu pemikiran dan tidak boleh dikesan daripada tindakan perubahan tingkah laku dalam diri manusia. Dalam erti kata lain, teori kognitif ini berkaitan dengan kaedah individu untuk mendapatkan, menganalisis, menyimpan dan mendapatkan maklumat. Justeru itu, guru seharusnya mengadaptasi penggunaan kaedah PdP yang mampu mengembangkan tahap kognitif pelajar secara berterusan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, tahap kecerdasan pelajar adalah berbeza-beza dan guru perlu mengajar pelajar dengan menitikberatkan kaedah yang berkesan agar prestasi pelajar meningkat.

Berbeza dengan teori behaviorisme di mana teori ini adalah satu teori pembelajaran yang mengutamakan peranan rangsangan luar dalam membentuk tingkah laku. Tokoh-tokoh terdahulu percaya bahawa semua tingkah laku dipelajari melalui pelaziman, iaitu proses yang mengaitkan rangsangan dengan gerak balas. Perkara ini bermaksud kaedah pembelajaran dan pengajaran adalah penting bagi membentuk tingkah laku pelajar di dalam bilik darjah. Guru mampu mempengaruhi minat dan keinginan pelajar untuk mempelajari ekonomi dengan menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan memberikan respon yang positif tentang penyertaan pelajar dalam proses PdP. Sebagai contoh, guru boleh memuji pelajar untuk kerja yang baik, memberi ganjaran atau membenarkan mereka memilih aktiviti khas. Teori ini adalah alat yang berkuasa untuk memahami dan memperbaiki tingkah laku. Dengan memahami prinsip asas behaviorisme, guru boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan untuk pelajar mereka. Rajah 1.2 menerangkan kerangka konseptual bagi kajian yang dilaksanakan.



### Pemboleh ubah bersandar

#### Faktor-faktor:

1. Pelajar
2. Guru
3. Sekolah
4. Keluarga

mempengaruhi

Pemboleh ubah tidak  
bersandar

Keberkesanan pembelajaran  
dalam pengajian Ekonomi

Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian

### 1.9 Definisi Operasional

Bagi menunjukkan bayangan dan tafsiran yang jelas serta tepat tentang istilah yang diketengahkan oleh pengkaji dalam kajian ini, sebahagian daripadanya ditakrifkan dengan lebih terperinci. Antaranya adalah seperti yang berikut:

### 1.9.1 Keberkesanan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, keberkesanan merujuk kepada perkara yang berkesan iaitu hasil yang dapat diperolehi melalui sesuatu tindakan, perubahan dan sebagainya. Berdasarkan daripada definisi tersebut, keberkesanan bermaksud memperolehi hasil yang diingini daripada tindakan yang dilakukan terhadap sesuatu perkara. Keberkesanan iailah kapasiti atau hasil yang dicapai daripada penggunaan kaedah PdP yang menggunakan multimedia dalam topik pembelajaran (Hanifah et al, 2020). Dalam kajian ini, keberkesanan menfokuskan terhadap peningkatan dalam pencapaian, minat dan motivasi pelajar tingkatan empat dan lima dalam pengajian Ekonomi. Dalam konteks pendidikan, pencapaian akademik pelajar kerap digunakan

untuk mengukur keberkesanan pembelajaran

tbupsi

### 1.9.2 Faktor

Istilah faktor mempunyai pelbagai makna yang berbeza mengikut konteks yang ingin disampaikan. Faktor sering ditakrifkan sebagai unsur atau sebab yang mempengaruhi sesuatu hasil (Kamus Dewan Edisi Keempat). Hal ini bermaksud, faktor adalah apa yang menyumbang kepada pencapaian keputusan tertentu apabila tanggungjawab untuk variasi atau perubahan jatuh ke atasnya. Dalam erti kata lain, faktor adalah elemen yang mempengaruhi sesuatu perkara. Dalam kajian Wan Muhammad Saidi (2018), beliau



mengkaji mengenai pelbagai faktor yang memberi kesan kepada pencapaian pelajar di sekolah menengah di mana faktor penyumbangnya terdiri daripada faktor gaya belajar, motivasi, prestasi akademik pelajar, kualiti pengajaran, persekitaran keluarga, kuantiti pengajaran, persekitaran bilik darjah dan persekitaran rakan sebaya. Muhammad Shafiq & Noraini (2019) pula menyatakan bahawa aspek yang memberi kesan ke atas pencapaian akademik pelajar adalah sikap, minat, kaedah pembelajaran dan pensyarah. Dalam kajian ini, faktor bermaksud punca atau penyebab yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi. Faktor-faktor yang terlibat adalah faktor pelajar, guru, keluarga dan sekolah.



Secara umumnya, proses mendapatkan maklumat atau kebolehan dikategorikan sebagai pembelajaran. Berdasarkan Ahmad Johari (2011), pembelajaran adalah proses memperoleh pengetahuan dan maklumat, mengembangkan kebolehan dan karakter serta membentuk sikap dan keyakinan. Menurut Anita E. Woolfolk (1995), pembelajaran ialah satu keadaan yang menerangkan mengenai bagaimana pengalaman menghasilkan perubahan yang berpanjangan kepada pemahaman dan kepakaran seseorang. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa pembelajaran berlaku sepanjang hayat dan melibatkan perkembangan emosi dan sikap seseorang di samping penguasaan ilmu dan kebolehan. Dalam konteks kajian lepas oleh Azman (2018), istilah pembelajaran digunakan adalah tertumpu kepada kaedah atau cara yang digunakan atau disampaikan





kepada pelajar iaitu dengan penggunaan kaedah pembelajaran model koperatif STAD. Manakala, Thorndike menafsirkan bahawa pembelajaran adalah proses interaktif termasuk rangsangan iaitu aktiviti pembelajaran seperti idea, perasaan atau perkara lain yang boleh dirasa oleh dera dan sama ada difahami sebagai tidak balas atau dikumpulkan melaluinya (Asfar, Asfar & Halamury 2019). Tetapi dalam kajian ini, konteks pembelajaran yang digunakan adalah perjalanan untuk memperoleh pemahaman dalam ilmu pengetahuan dan perkembangan kemahiran melalui pelbagai kaedah PdP.

#### 1.9.4 Pengajian Ekonomi



Pengajian ataupun turut dikenali sebagai pengajaran adalah pelajaran atau perolehan pelajaran. Menurut Noridahayu (2017), pengajaran merupakan satu mekanisme bagi menyalurkan ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran tertentu yang mengambil kira mengenai perbuatan seperti aktiviti perancangan, pengendalian, penyampaian, tunjuk ajar dan maklum balas. Ekonomi pula merujuk kepada ilmu dalam satu bidang sains sosial yang meneliti cara manusia membahagikan sumber ekonomi yang ada bagi memenuhi permintaan manusia yang tidak terbatas. Justeru, pengajian Ekonomi boleh ditakrifkan sebagai pelajaran dalam bidang ekonomi yang meliputi pelbagai aspek dalam ekonomi. Kajian lepas oleh Kho Ai Peng (2021) mempunyai konsep yang sama tetapi melalui penyampaian dalam pengajian perniagaan di mana pengajian perniagaan adalah mempunyai elemen perniagaan seperti prinsip perniagaan, prinsip pengurusan





dan asas keusahawanan. Berdasarkan kandungan kajian yang dilaksanakan, pengajian Ekonomi ditafsirkan sebagai mata pelajaran yang mempunyai elemen ekonomi seperti faktor pengeluaran, sektor-sektor pekerjaan dan lain-lain dalam pengajarannya iaitu mata pelajaran Ekonomi dan Perniagaan.

### **1.10 Batasan Kajian**

Kajian ini dilaksanakan bagi menganalisis faktor-faktor keberkesanan pembelajaran dalam pengajian Ekonomi. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan dalam kalangan pelajar

tingkatan 4 dan 5 SMK Puchong Permai yang mengambil mata pelajaran yang mempunyai elemen ekonomi dalam pengajarannya. Hasil dapatan kajian hanya meliputi pelajar yang menunjukkan aspek-aspek yang serupa dan tidak menggambarkan keseluruhan pelajar.





## 1.11 Kepentingan Kajian

### 1.11.1 Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Kajian ini akan memberikan pendedahan kepada pihak KPM mengenai kepentingan mata pelajaran yang mempunyai elemen Ekonomi kepada para pelajar kini. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, mata pelajaran ini memberikan kemahiran yang praktikal dalam bidang ekonomi dan bukannya menyediakan pengetahuan dari segi teori semata-mata. Malah, pihak KPM dapat membuat penambahbaikan terhadap mata pelajaran-mata pelajaran pada masa kini dengan menambahkan elemen Ekonomi pada setiap mata pelajaran agar pelajar terdedah kepada aspek ekonomi.



### 1.11.2 Pihak sekolah

Kajian ini juga berfungsi untuk mempertingkatkan kesedaran melalui pendedahan awal dalam kalangan pihak sekolah tentang keperluan untuk mempertingkatkan lagi proses PdP dengan menawarkan kemudahan, bilik darjah yang serba lengkap dan persekitaran yang sesuai untuk PdPc. Hasilnya, semua aktiviti PdP di dalam bilik darjah secara langsung menjadi selesa dan mudah diikuti oleh pelajar. Kesannya, keberkesanan pembelajaran dapat dicapai.





### 1.11.3 Guru

Kajian ini mampu menyedarkan para guru agar mereka dapat memahami gaya pembelajaran pelajar dengan menggunakan pelbagai kaedah strategi PdP. Tambahan pula, guru dapat mengetahui elemen yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran bagi membantu mereka memastikan faktor-faktor tersebut tidak menghalang proses PdPc. Dengan itu, guru mampu mengawal faktor-faktor tersebut agar memberikan membantu mereka untuk memaksimumkan pembelajaran bagi meningkatkan lagi prestasi pencapaian pelajar.



### 1.11.4 Para pelajar

Kajian ini mengaplikasikan konsep ekonomi dalam kehidupan sehari-hari yang penting untuk difahami oleh pelajar. Ini kerana mata pelajaran tersebut menyediakan pengetahuan tentang ekonomi pada masa hadapan serta mengajar mereka mengenainya melalui pendekatan yang lebih praktikal. Selain itu, pelajar juga dapat mengawal faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran agar dapat memberikan manfaat kepada pembelajaran mereka.





### 1.11.5 Pengkaji lain

Hasil kajian yang diperolehi oleh pengkaji dapat menghasilkan kesimpulan yang akan membantu pengkaji lain memahami kajian yang dilakukan agar membantu pada kajian mereka. Hal ini kerana, kajian yang dilaksanakan mungkin mempunyai kekurangan dalam beberapa aspek lain. Tambahan pula, dapatan kajian boleh digunakan oleh pengkaji lain sebagai sokongan untuk kajian yang dijalankan oleh mereka sendiri pada masa akan datang.



Sebagai rumusan, bab ini menggariskan komponen yang menjadi asas dan panduan kepada kajian yang dilaksanakan. Bab ini merangkumi elemen-elemen penting berkaitan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji terutamanya latar belakang kajian, objektif, pernyataan masalah, kerangka konseptual kajian dan definisi operasional. Objektif bagi kajian ini dibentuk berdasarkan daripada masalah yang telah diketengahkan. Kajian ini juga mempunyai batasan bagi memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dan memenuhi objektif yang ditetapkan. Berdasarkan daripada asas tersebut, bab seterusnya akan menjelaskan mengenai sorotan literatur yang berkaitan dengan konteks kajian yang akan dijalankan.

